

3 FEB 1996

Mahathir-Sabah

MAHATHIR AKAN JUMPA PARA PEMIMPIN KOMPONEN BN SABAH

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sebelum membuat keputusan berhubung isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Perdana Menteri berkata pertemuan itu akan diadakan secara berasingan untuk membolehkannya mendapatkan pandangan masing-masing.

Tarikh pertemuan itu sedang dirancangkan, kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, hari ini.

Pada mesyuarat itu, Majlis Tertinggi Umno memberikan mandat kepada Dr Mahathir untuk menggunakan budibicaranya menyelesaikan isu berkenaan.

"Saya telah menyatakan (kepada MT) bahawa saya tidak akan buat keputusan sehingga dapat bertemu dengan pemimpin-pemimpin parti komponen BN Sabah," katanya.

Penggiliran jawatan itu menjadi masalah kerana tidak ada kata sepakat di kalangan anggota-anggota BN negeri untuk menggilirkan jawatan itu menjelang tamatnya tempoh Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said pada 17 Mac ini.

Parti-parti komponen BN di Sabah termasuk Badan Perhubungan Umno Negeri sebelum ini dikatakan menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk menyelesaikan isu itu.

Dr Mahathir berkata walaupun parti-parti komponen itu telah diminta memberikan pandangan mereka, namun beliau belum menerimanya daripada kesemua anggota berkenaan.

Wakil perhubungan Umno Sabah turut memberikan pandangan mengenai isu itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi hari ini. Selain itu, badan perhubungan negeri itu turut mengemukakan surat mengenai perkara tersebut tetapi Dr Mahathir enggan menghuraikan isi kandungannya atau pendirian Umno Sabah.

"Dia bagi pandangan dia, saya tak payah isytiharkanlah pandangan itu...saya beritahu bahawa saya akan mengambil kira semua pandangan," katanya.

Ketika ditanya sama ada isu itu dapat diselesaikan sebelum 17 Mac, Dr Mahathir berkata: "Sepatutnyalah".

Selain Umno, BN Sabah merangkumi Parti Demokratik Sabah (PDS), Sabah Progressive Party (SAPP), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), MCA dan Gerakan.

Ketika diminta mengulas masalah yang kini timbul antara Semangat 46 dan PAS, Dr Mahathir berkata perkara itu telah diduga kerana kedua-dua parti tidak ada persefahaman.

Mengenai tawaran kepada anggota-anggota Semangat 46 untuk menyertai Umno, beliau berkata ia terbuka kepada semua, sama ada dari peringkat pemimpin parti itu hinggalah kepada anggotanya.

"Pintu Umno terbuka kepada sesiapa sahaja yang hendak masuk asalkan mereka menyokong perjuangan Umno," katanya. -- Bernama